



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8880 5650  
Faks (Faks) : 603-8880 5646  
Laman Web (Web) : [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**SIARAN MEDIA**

**SESI LIBAT URUS EAIC KE KOMPLEKS IMIGRESEN, KASTAM, KUARANTIN DAN  
KESELAMATAN PENGGALAN KUBOR**

**Pengkalan Kubor, 23 Julai 2024** – Satu sesi Libat Urus (SLU) Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan - Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia telah diadakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Pengkalan Kubor Kelantan hari ini.

Sesi yang diketuai oleh Tan Sri Dr. Ismail Hj Bakar, Pengerusi EAIC itu membincangkan isu-isu persempadanan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan serta permasalahan yang dihadapi oleh anggota penguat kuasa dalam menjalankan tugas khususnya pengawalan di pintu masuk sempadan antarabangsa Malaysia. EAIC seterusnya turut mengadakan lawatan ke sekitar Sungai Golok, sempadan Malaysia – Thailand bersama pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA).

Tan Sri Dr. Ismail berkata EAIC akan lebih giat menjalankan pengauditan dan pemeriksaan ke atas tatacara kerja dan Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi penguatkuasaan seliaan sepertimana yang termaktub dalam peruntukan subseksyen 4 (1) (d) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].<sup>1</sup> Antara dapatan daripada lawatan pengauditan yang telah dijalankan oleh EAIC termasuk prosedur yang tidak selari dengan perundangan semasa, SOP lapuk dan protokol yang kurang jelas terhadap tugas dan prosedur. Sehubungan itu beliau menekankan EAIC harus dilihat sebagai agensi yang membantu agensi-agensi seliaannya dalam aspek segi pemantapan integriti serta medium penambahbaikan mutu penyampaian perkhidmatan institusi penguatkuasaan di negara ini.

Dalam pada itu EAIC memaklumkan satu laporan penuh berkenaan SLU Sempadan telah diserahkan kepada MCBA pada 24 Mei 2024 dan laporan yang sama sebelum itu turut dibawa ke perhatian Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) pada 29 Mac 2024.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

<sup>1</sup> *mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan*

**SESI SLU EAIC BERSAMA DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN  
DI PINTU MASUK SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA  
(SEMPADAN DARAT DAN MARITIM)**

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>TARIKH</b>
1.	ICQS Padang Besar	28 Februari 2023
2.	Pos Imigresen Wang Kelian	28 Februari 2023
3.	ICQS Bukit Kayu Hitam	1 Mac 2023
4.	ICQS Pengkalan Kubor	13 Mac 2023
5.	ICQS Rantau Panjang	14 Mac 2023
6.	Lawatan ke sekitar Sungai Golok, sempadan Malaysia - Thailand	14 Mac 2023
7.	ICQS Biawak	23 Mei 2023
8.	Lawatan ke sekitar— <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aruk, Sarawak sempadan Malaysia – Indonesia</li> <li>• Pos Kawalan PGA Teluk Melano, Malaysia – Temajuk, Indonesia</li> </ul>	23 Mei 2023
9.	ICQS Sungai Tujuh	25 Mei 2023
10.	Lawatan ke sekitar pesisir pantai Miri, Malaysia - Brunei	25 Mei 2023
11.	Lawatan ke sekitar Bukit Wang Bhurma dan Pos Kawalan PGA Batu Putih	11 Julai 2023
12.	ICQS Kota Putra	12 Julai 2023
13.	Lawatan ke sekitar perairan maritim Pulau Langkawi	15 Ogos 2023
14.	ICQS Bukit Berapit	19 September 2023
15.	CIQ Bangunan Sultan Iskandar	26 September 2023
16.	Lawatan ke sekitar perairan Johor, Malaysia - Singapura	26 September 2023
17.	Lawatan ke sekitar Pantai Batu Morib	17 Oktober 2023
18.	Lawatan ke sekitar Pantai Johor Utara	26 Oktober 2023
19.	Lawatan ke sekitar perairan Kota Kinabalu	7 November 2023
20.	Lawatan ke sekitar perairan Pulau Sebatik, Malaysia - Indonesia	9 November 2023